

EDISI 14 / OKT - DIS 2024

Suara Mimbar diterbitkan secara suku-tahunan

PERCUMA

# SUARA MIMBAR

INFORMATIF, INOVATIF & INKLUSIF



**MENGHADAPI  
KETENTUAN  
ALLAH DENGAN  
POSITIF** m/s 31

**APAKAH HAK  
PEMBELI  
RUMAH?** m/s 20

Ulangtahun  
ke 15, TATTARY

m/s 13

Kelab Belia  
MASJA-SA Wadah  
Pembangunan  
Belia  
m/s 14

Majlis  
Penghargaan  
Kakitangan  
LAKMNS  
m/s 17





[lakmnsofficial](#) [www.lakmns.org.my](#) Internet Radio Islamic Sarawak

# INFORMATIF, INOVATIF & INKLUSIF

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain

### PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai  
Encik Mohamad Feisal bin Said

### PANEL EDITOR

Puan Megawati binti Haji Julaihi  
Puan Nona Zaharia binti Fadzil  
Encik Abang Bikusary bin Haji Kadir  
Puan Siti Emiliana binti Mohamad Edmund  
Encik Khasmady bin Mahidi  
Encik Husmizam bin Ashek

### SUB-EDITOR

Puan Haryati binti Mohamad

### PENOLONG SUB-EDITOR

Mohamad Hanif bin Abdurrahman

### PENULIS/PENGARANG

Puan Dayang Siti Aisyah binti Mohd Atee  
Puan Nurulzila binti Ibrahim  
Encik Abang Zulkernain bin Abang Yusuf  
Encik Ahmad Hisham bin Mohd Yakob  
Cik Nusrin binti Mohamad Idris  
Ustazah Nursyafiqah binti Sulaiman  
Ustaz Muhammad Nur Izat bin Muaz  
Encik Muhammad Hafiz Fadilah bin Bahar  
Puan Farah Farina binti Hossien

### PEREKA GRAFIK

Heiruzam Filani bin Mohamad

### JURUGAMBAR

Hadihizami bin Haidi  
Ammirol bin Harun  
Shafiq Ashrafy bin Haji Ghazali

### PENELEGGERA/KOORDINATOR

Unit Multimedia, Bahagian Publisiti dan Komunikasi

Diterbitkan Oleh :

Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS)  
Alamat : Tingkat 8, Bangunan Baitul Makmur 1, Medan Raya,  
Petra Jaya, 93050, Kuching Sarawak.  
Emel : [publicity@lakmns.org.my](mailto:publicity@lakmns.org.my)  
No Tel : 082-440775



Assalamualaikum dan salam sejahtera pembaca Suara Mimbar yang budiman,

Syukur Alhamdulillah kita telah berada di lembaran terakhir bagi tahun 2024.

Bagi yang mengikuti penerbitan Suara Mimbar, sudah tentu cakna akan perkembangan LAKMNS sepanjang tahun ini. Pelbagai peristiwa, suka dan duka, juga sedikit hamparan ilmu kami kongsikan dalam setiap lembaran Suara Mimbar.

Harapan kami daripada Sidang Redaksi semoga perkongsian kami ini sedikit sebanyak memberi manfaat kepada pembaca yang budiman sekalian, sementahan ini adalah inisiatif kami untuk menggalakkan amalan membaca. "Iqra' bismi rabbikallazi khalaq".

Menjelang tahun baharu 2025, doa kami agar Suara Mimbar akan terus melangkah lebih baik, dengan perkongsian yang lebih malar segar serta bermafaat, sesuai dengan slogannya, "Informatif, Inovatif & Inklusif".

Burung terbang di atas awan,  
Melihat gunung tampak birunya.  
Iqra diamal tambah pengetahuan,  
Tekun dan faham dapat ilmunya.

Selamat membaca!

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

# KANDUNGAN

## EDISI 14 / OKT - DIS 2024



4



6

MAJLIS TAKLIM  
KAKITANGAN LAKMNS



7

LAKMNS TERIMA  
KUNJUNGAN KERJA  
ALLIANCE ISLAMIC  
BANK BERHAD



8

KUNJUNGAN HORMAT  
KE SABATI



9

PERBARISAN  
RAPAT RAKSASA  
SEMPENA SAMBUTAN  
HARI JADI TYT



10

KUNJUNGAN  
HORMAT PENSUTRA  
ALLIANCE BERHAD



11

SEMINAR FARAID  
DAN PEMBAHASAN  
HARTA PUSAKA



12

PERTANDINGAN  
TILAWAH AL QURAN  
DAN HAFAZAN



13

MAJLIS PEMAKAIAN  
PANGKAT ANGGOTA  
POLIS BANTUAN



14

TATTARY SAMBUT  
ULANG TAHUN KE 15



15

KELAB BELIA  
MASJA-SA  
WADAH  
PEMBANGUNAN BELIA



16

LATIHAN FIRE  
DRILL DI BAITUL  
MAKMUR 1 & 2



17

SEMINAR  
KELUARGAKU SAYANG



18

MAJLIS PENGHARGAAN  
KAKITANGAN LAKMNS



19

MESYUARAT AHLI  
LEMBAGA PENGARAH  
LAKMNS



20

MENYINGKAP SYIAR  
ISLAM DI BUMI CHINA



21

APAKAH HAK PEMBELI  
RUMAH?



22

JENAYAH TERHADAP  
ALAM SEKITAR DARI  
PERSPEKTIF ISLAM



24

PLATFORM DIGITAL  
MEMBENTUK JENAMA  
MASA KINI



25

TEKNOLOGI BMS :  
TRANSFORMASI  
BANGUNAN MODEN



26

"ARTIFICIAL  
INTELLIGENCE" DALAM  
BIDANG PERUNDANGAN



27

PENUBUHAN POLIS  
BANTUAN LAKMNS



28

MENCINTAI MASJID  
MERAIH PAHALA



29

12 KEMAHIRAN  
KOMPETENSI



30

DIDIK GAYA HIDUP  
LESTARI



31

5 TIPS KEWANGAN  
YANG PERLU  
ANDA TAHU



32

HIKMAH DISEBALIK  
TAKDIR



INTERNET RADIO ISLAMIC SARAWAK  
Isnin - Jumaat 10 Pagi - 4 Petang



SILA IMBAS QR CODE  
UNTUK MUAT TURUN  
SEMUA PLATFORM  
MEDIA SOSIAL IRIS



# LAWATAN KERJA LAKMNS KE PLOT PERCUBAAN BULUH PUSAKA DI SABAL FOREST RESERVE

Embaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah mengadakan lawatan kerja di Plot Percubaan Buluh PUSAKA yang terletak di Sabal Forest Reserve pada 2 Oktober 2024. Plot buluh tersebut dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA).

Mengetuai lawatan kerja tersebut adalah Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS YBhg Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai. Turut serta adalah Ketua Pegawai Pelaburan, LAKMNS, Encik Husmizam bin Ashek dan kakitangan LAKMNS.

Lawatan ini adalah sebagai sesi perkenalan serta meninjau potensi kerjasama antara LAKMNS bersama pihak yang dikunjungi.



# MAJLIS TAKLIM KAKITANGAN LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK (LAKMNS)

Majlis Taklim Kakitangan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah berlangsung pada 4 Oktober 2024 bertempat di MASJA-SA Club House, Baitul Makmur I. Majlis ini juga diadakan pada hari Jumaat pertama setiap bulan.

Majlis dimulakan dengan tazkirah dan bacaan Surah Yaasin yang dipimpin oleh al-Fadhil Ustaz Abdullah Rabbani dan seterusnya amanat daripada Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai.

Majlis diteruskan dengan taklimat daripada Pengurus Kelab MASJA-SA, Encik Izzuddin bin Suhaili serta penyampaian sumbangan Kelab MASJA-SA kepada kakitangan.



# LAKMNS TERIMA KUNJUNGAN KERJA ALLIANCE ISLAMIC BANK BERHAD

Pada 10 Oktober 2024 yang lalu, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menerima kunjungan kerja daripada pihak Alliance Islamic Bank Berhad. Kunjungan ini adalah sebagai mengeratkan silaturrahim di samping berkongsi perkembangan semasa dan perbincangan berkenaan potensi kerjasama strategik di antara kedua pihak.

Rombongan pihak Alliance Islamic Bank Berhad telah diketuai oleh Encik Mohammad Shidek Nazaran, Senior Vice President, Head Shariah Department. Turut serta adalah Encik Muhammad Syamim Nafiz Jamil, Vice President, Head Shariah Advisory and Research.

Menyantuni kehadiran pihak Alliance Islamic Bank Berhad adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Encik Mohamad Feisal bin Said serta Ketua Pegawai Jabatan Pelaburan Encik Husmizam bin Ashek, Ketua Pegawai Jabatan Kewangan Puan Nona Zaharia binti Fadzil dan Ketua Bahagian Kewangan, Puan Azielaa Nadira binti Mohamad@Roslan.



# KUNJUNGAN HORMAT LAKMNS KEPADA YANG AMAT BERBAHAGIA PUAN SRI DATUK AMAR HAJAH JUMA'ANI TUN TUANKU HAJI BUJANG

Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datuk Amar Hajah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang bertempat di Bilik Mesyuarat, Wisma SABATI pada 10 Oktober 2024.

Kunjungan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai bertujuan untuk berkongsi perkembangan terkini berkenaan Sambutan 15 Tahun Tadika Tahfiz Tun Abdul Rahman Ya'kub (TATTARY).

Turut serta adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohamad Feisal bin Said serta Ketua-ketua Pegawai dan Ketua Bahagian Pelajaran LAKMNS.



# LAKMNS SERTAI ISTIADAT PERBARISAN DAN RAPAT RAKSASA SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN HARI JADI YANG DIPERTUA NEGERI SARAWAK

Istiadat Perbarisan dan Rapat Raksasa sempena Sambutan Perayaan Hari Jadi Yang di-Pertua Negeri Sarawak ke-78, Tun Pehin Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar telah berlangsung pada 12 Oktober 2024. Perbarisan ini turut disertai oleh kontingen daripada Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak dianggotai oleh seramai 33 orang, yang terdiri daripada seorang ketua kontinen, dua pembawa bendera iaitu bendera ibu pertiwi dan bendera agensi.

Sejumlah 78 Kontinen daripada pelbagai agensi hadir bagi memeriahkan lagi sambutan perayaan Hari Jadi yang Di-Pertua Negeri Sarawak ke-78. Pelbagai persediaan telah disediakan oleh setiap kontinen bagi memeriahkan lagi suasana istiadat perbarisan dan rapat raksasa tersebut.

Turut hadir pada isitiadat tersebut adalah Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak merangkap Pengerusi Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak.



# KUNJUNGAN HORMAT PENSUTRA ALLIANCE BERHAD

Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah menerima kunjungan daripada pihak Pensutra Alliance Berhad pada 15 Oktober 2024. Kunjungan ini adalah sebagai mengeratkan silaturrahim dan berkongsi perkembangan semasa dan perbincangan berkenaan potensi kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.

Mengetuai lawatan kerja tersebut adalah Dato' Seri Abdul Rahman Maidin, Executive Chairman. Turut serta adalah Encik Lokman Nawawi, Regional Director, Encik Chan Huan Ping, Executive Director dan Encik Aziz Kadir, Director.

Menyantuni kehadiran pihak Pensutra Alliance Berhad adalah Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai serta Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Encik Mohamad Feisal bin Said, Ketua Pegawai Jabatan Pelaburan Encik Husmizam bin Ashek dan Ketua Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Puan Nurmala binti Rosli.



# SEMINAR FARAIID DAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA

Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) dengan kerjasama dengan Majlis Islam Sarawak (MIS), Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Cawangan Sarawak (JAKIM) dan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) telah mengadakan Seminar Faraid dan Pembahagian Harta Pusaka bertempat di Auditorium, Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 16 Oktober 2024 (Rabu).

Seminar ini menjemput 2 orang panel yang bergiat aktif dalam penyampaian Undang-Undang Faraid dan Kaedah Pengiraan Harta Pusaka iaitu Yang Arif Tuan Haji Najarudin bin Haji Nedri, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kuching, Sarawak dan Ustaz Mohamad Noraalif bin Mahari, Pengurus Pusat Pemulihan Dadah Darul Barakah, Terengganu.

Majlis Penangguhan ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS).

Diharapkan penganjuran seminar seperti ini dapat memberikan pendidikan kesedaran serta membentuk masyarakat untuk mencapai kesejahteraan spiritual dan material dalam pemilikan dan penggunaan harta benda.



# PERTANDINGAN TILAWAH, HAFAZAN AL- QURAN DAN AZAN PERINGKAT PKMS 2024

Pada 18 Oktober 2024 telah berlangsung Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Tilawah, Hafazan Al- Quran dan Azan peringkat Pusat Kecemerlangan MASJA-SA 2024 bertempat di Anjung Masjid Jamek Negeri Sarawak. Pertandingan telah berlangsung pada 16 dan 17 Oktober 2024.

Majlis telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, YBhg. Datuk Haji Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, yang turut menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Turut serta adalah Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan dan Perkhidmatan LAKMNS, Puan Hajah Megawati binti Haji Julaihi dan Ketua Pegawai Jabatan Pengurusan Masjid-Masjid LAKMNS, Encik Abang Bikusari bin Haji Kadir.

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi setiap kategori:

## PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN

### Sekolah Menengah (Lelaki)

1. Adi Amiruddin bin Abdullah@Mohamad Missbahuddin
2. Muhammad Nurshariman bin Arip
3. Mohamad Rais Danish bin Mohammed Hanasir

### Sekolah Menengah (Perempuan)

1. Qisya Qaisara binti Mohamad Dahlan
2. Aina Fakhira Batrisyia Yaakub binti Mohd. Baihaki
3. Puteri Nur Atirah binti Jeffery

### Sekolah Rendah (Lelaki)

1. Muhammad Luqmanulhakim bin Mohammad Firdaus
2. Fahmi Fakhruallah bin Fauzi Isma
3. Daniyal Fareez bin Mohamad Dahlan

### Sekolah Rendah (Perempuan)

1. Deandra Rumaisya binti Ismaili
2. Dhiya Aufa Nadiya binti Razuna
3. Rana Sorfina binti Mohammed Hanasir

## PERTANDINGAN HAFAZAN

### Sekolah Menengah (Lelaki)

1. Aariz Haziq bin Abdul Majid
2. Awang Raffieq Hayqal bin Awang Hairil Benjamin
3. Abdul Thaqif Taqiuddin bin Ahmat

### Sekolah Menengah (Perempuan)

1. Sharifah Nur Zhafira Binti Wan Zaidel
2. Qisya Qaisara binti Mohamad Dahlan
3. Nurul Asyiqin Hasnan

### Sekolah Rendah (Lelaki)

1. Thaqif Amsyar bin Hazrol
2. Muhammad Faris bin Mohd Fu'ad
3. Mirza Ukail bin Mohd. Azizi



# MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA POLIS BANTUAN

Pada 23 Oktober 2024 yang lalu, telah berlangsung Majlis Pemakaian Pangkat Anggota Polis Bantuan, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak Tahun 2024 yang bertempat di Galeri, Baitul Makmur II. Seramai lima orang anggota polis bantuan telah terpilih untuk menerima kenaikan pangkat berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, yang turut memakaikan pangkat baharu kepada para penerima pangkat. Turut serta pada majlis ini adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, Encik Mohamad Feisal bin Said, serta ketua-ketua pegawai dan ketua-ketua bahagian LAKMNS yang lain.





# TATTARY SAMBUT ULANG TAHUN KE-15

Pada 31 Oktober 2024, Tadika Tahfiz Tun Abdul-Rahman Ya'kub (TATTARY) telah menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-15. Majlis yang berlangsung di Dewan Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ini telah disempurnakan oleh Presiden SABATI, YABhg Puan Sri Datuk Amar Haja Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang, yang diwakili oleh Timbalan Presiden SABATI, YBhg, Dato Haja Dayang Morliah binti Datuk Awang Daud.

TATTARY merupakan sebuah tadika tahfiz di bawah kendalian Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) yang telah beroperasi bermula tahun 2010. Penubuhan tadika ini telah diilhamkan oleh mantan Ketua Menteri Sarawak ketika itu, iaitu Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud (Almarhum Tun Pehin Sri).

Dalam majlis tersebut, Setiausaha Kehormat LAKMNS, YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain dalam ucapan alu-aluannya berkata, LAKMNS sebagai pengendali TATTARY sentiasa komited untuk menyediakan kemudahan pendidikan yang kondusif kepada murid-murid TATTARY.

**YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.)  
bin Dato Haji Husain  
Setiausaha Kehormat, L**

Beliau turut memaklumkan bahawa LAKMNS telah membayai 15 orang kakitangan TATTARY terdiri daripada pengurusan dan guru untuk mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dan diploma dalam pendidikan awal kanak-kanak di Open University Malaysia (OUM) bermula tahun 2022.

YBhg. Dato Haja Dayang Morliah turut melancarkan buku "TATTARY, 15 Tahun Melakar Kenangan, Mengukir Masa Depan".

Turut hadir pada majlis ini adalah Ahli-ahli Lembaga LAKMNS, Ketua Pegawai Eksekutif YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, pengurusan kanan LAKMNS, serta beberapa kenamaan yang lain.





## KELAB BELIA MASJA-SA WADAH PEMBANGUNAN BELIA

Pembubuhan Kelab Belia Masjid Jamek Petra Jaya (Kelab Belia MASJA-SA) adalah bermatlamatkan untuk menyediakan platform bagi belia berumur 15 hingga 40 tahun untuk menyertai aktiviti berunsurkan kerohanian dan riadah dengan menjadikan institusi masjid sebagai wadah pelaksanaan program.

Majlis pelancaran kelab belia telah berlangsung pada 10 November 2024 bertempat di Masjid Jamek Negeri Sarawak. Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Setiausaha Kehormat LAKMNS, YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Abdul Aziz bin Dato Haji Husain.

Dalam ucapan perasmianya, Tan Sri Datuk Amar berharap Kelab Belia Masjid Jamek Petra Jaya (MASJA-SA) ini akan dapat menjadi platform yang efektif dalam membentuk generasi belia yang berakhlik mulia dan berilmu. Belia turut menyeru masyarakat di luar sana untuk terus memberikan sokongan dan galakan yang positif agar anak-anak muda dapat menyertai Kelab Belia ini.

Turut hadir dalam majlis ini adalah beberapa ahli EXCO Lembaga LAKMNS, Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, pengurusan kanan LAKMNS serta kenamaan yang lain.




# LATIHAN PENGUNGSIAN BANGUNAN (FIRE DRILL) DI BAITUL MAKMUR 1 & 2

Jawatankuasa Emergency Response Team (ERT) Baitul Makmur di bawah Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah mengadakan latihan pengungsian bangunan (fire drill) secara serentak di bangunan Baitul Makmur 1 & 2 dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Petra Jaya pada 5 Disember 2024.

Majlis Penggulungan Latihan Pengungsian Bangunan (Fire Drill) telah ditamatkan oleh Tuan Latiff bin Iring, Ketua Balai Bomba Petra Jaya.

Selain itu, YBhg Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai juga memberikan amanat dan taklimat berkenaan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh semua kakitangan yang terlibat pada masa akan datang.

Turut hadir dalam Majlis Penggulungan tersebut iaitu Encik Mohamad Feisal bin Said, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS serta Ketua-ketua Pegawai.



# SEMINAR KELUARGAKU SAYANG

Pada 10 Disember 2024 Seminar Keluargaku Sayang anjuran Jabatan Pengurusan Masjid-masjid (JPMM) Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) telah berlangsung pada 10 Disember 2024. Program yang berlangsung di Auditorium Pustaka Negeri Sarawak ini menampilkan tiga orang panel yang berkongsi beberapa isu tentang kekeluargaan.

Sesi pertama menampilkan Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling Syarie dan Pembangunan Jabatan Agama Islam Sarawak, Ustazah Dr Safura binti Ahmad Sharkawi yang berkongsi tajuk "Mengurus Konflik dalam Keluarga: Pendekatan Positif dan Proaktif".

Manakala sesi kedua pula menampilkan Ustaz Abu Hurairah bin Roslan yang membentangkan tajuk "Pengaruh Media Sosial Terhadap Kehidupan Berkeluarga".

Sesi ketiga pula diadakan Forum Keluarga dengan tajuk "Mendidik Anak-anak di Era Digital: Cabaran dan Solusi", menampilkan Ustaz Abu Hurairah sebagai panel bersama Cikgu Awangku Muhammad Shamsul Bahrie, manakala Ustaz Muhamad Firdaus Mokhtar sebagai moderator.

Pada sebelah petang pula diadakan Majlis Penangguhan yang telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, YBhg. Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai. Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Encik Mohamad Feisal bin Said, Ketua Pegawai JPMM Encik Abang Bikusary bin Haji Kadir, serta pegawai-pegawai kanan LAKMNS.



# MAJLIS PENGHARGAAN DAN PENGIFTIRAFAN KAKITANGAN LAKMNS TAHUN 2024

Majlis Penghargaan dan Pengiktirafan Kakitangan LAKMNS Tahun 2024 telah berlangsung pada 12 Disember 2024 bertempat di Galeri LAKMNS, Baitul Makmur II. Upacara penyampaian penghargaan telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai, Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS. Majlis ini turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS, Ketua-ketua Pegawai dan Ketua-ketua Bahagian Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak.

Pada tahun ini seramai 32 orang kakitangan LAKMNS telah menerima penghargaan mengikut kategori masing-masing seperti berikut :-

## A. KATEGORI TEMPOH PERKHIDMATAN 'LONG SERVICE' (15 TAHUN)

- Heiruzam Filani bin Mohamad
- Johari bin Mohamad Ali Othman
- Idris bin Saruji
- Haliza binti Mohamad Hafizan
- Wan Habib Syukri bin Wan Rosli
- Madian bin Hamdan
- Siti Syuhada binti Mohin
- Nurfatehah binti Mohamad Nasir
- Siti Khadizah Zalihah binti Nazirin
- Norbisyarah binti Bahar
- Mariam binti Morini
- Faizal bin Mohidi
- Rahmas binti Majelis
- Farah Rofizah binti Madilan
- Maslinda binti Mat Merdeka
- Zulhulaikah bin Abdul Rahman
- Nuranisah binti Bujang
- Bani binti Jambol



## B. KATEGORI TEMPOH PERKHIDMATAN 'LONG SERVICE' (20 TAHUN)

- Siti Normalia binti Marjuno
- Siti Norma Liza bt Zainal Abidin
- Nasrol Hisham Noor bin Mohamad Noh
- Sallahudin bin Gani



## C. KATEGORI TEMPOH PERKHIDMATAN 'LONG SERVICE' (25 TAHUN)

- Azhar bin Amin

## D. KATEGORI TEMPOH PERKHIDMATAN 'LONG SERVICE' (35 TAHUN)

- Mostly bin Oly

## E. KATEGORI MEWAHLI AGENSI KERAJAAN DAN SWASTA/INSTIUTSI PERTANDINGAN FUTSAL FESKIS IKMAS 2024

Pengurus/Ketua Pasukan

- Muhammad Nur Izzat bin Muas
- Pemain
  - Mohd Shahraziq bin Amil
  - Mohd Julaithi bin Affendi
  - Abdul Manaf bin Jaya
  - Hasrol bin Bahar
  - Mohd Azwan bin Nor
  - Amirul Fadzli bin Masli
  - Sharir Shazni bin Sazali

# MESYUARAT AHLI-AHLI LEMBAGA LAKMNS



Pada 13 Disember 2024 telah berlangsung Mesyuarat Ahli-Ahli Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak (LAKMNS) bertempat di Tingkat 9, Bangunan Baitul Makmur 1.

Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Premier Sarawak Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sir (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, yang juga Pengerusi LAKMNS.

Turut hadir adalah Ahli-ahli Lembaga iaitu Dato' Hajah Hanifah Hajar Taib, Datuk Amar Haji Abu Bakar Marzuki, Datuk Sharifah Hasidah Sayeed Aman Ghazali, Tan Sri Datuk Amar Haji Abdul Aziz bin Dato' Haji Husain, (Dr). Haji Salihin bin Abang, Datuk Dr. Annuar Rapaei, Datuk Haji Kipli bin Haji Yasin dan Encik Drahman Jaladin.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif LAKMNS Datuk Haji Abang Abdul Wahap bin Haji Abang Julai serta pengurusan kanan LAKMNS.





# MENYINGKAP SYIAR ISLAM DI BUMI CHINA

Disediakan oleh: Mohamad Hanif bin Abudullah

Berdasarkan statistik daripada laman web www.worldpopulationreview.com, populasi orang Islam di China adalah sekitar 50 juta, iaitu sekitar 3.6 peratus daripada jumlah penduduk. Walaupun peratusannya agak kecil, namun jumlah 50 juta penduduk beragama Islam boleh dianggap besar jika dibandingkan dengan populasi muslim di kebanyakan negara Islam, serta mengambil kira sosio-politik China yang dikaitkan dengan amalan autokratik, komunis dan sosialis.

Statistik ini membawa kita kepada sejarah kedatangan Islam di China yang dikatakan bermula sekitar tahun 650 masih, iaitu ketika Dinasti Tang (618-907M). Berdasarkan catatan sejarah, Islam mula bertapak di negara tembok besar ini ketika pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan.

Jika ditelusuri sirah para sahabat, pemerintahan Khalifah Uthman dikatakan amat signifikan dengan usaha dakwah Islam berada di puncak kegemilangan, apabila Islam diterima di beberapa wilayah baru termasuk di China.

Berdasarkan beberapa catatan, Islam diterima di China melalui utusan yang dikirim oleh Khalifah Uthman bin Affan, iaitu Saad bin Abi Waqqas. Antara karya yang mencatat peristiwa ini adalah karya penulis Muslim China, Lui Tschih iaitu Chee Chea Sheehuzoo (Perihal Kehidupan Nabi) pada abad ke-18.

Pada awal kedatangan Saad bin Abi Waqqas bersama rombongannya, dakwah mereka agak sukar untuk diterima pemerintah ketika itu iaitu Maharaja Kao-Tsung. Bagaimanapun, maharaja tersebut mengizinkan Saad bin Abi Waqqas dan para sahabat untuk mengajarkan Islam kepada masyarakat di Guangzhou.

Saad bin Abi Waqqas kemudian menetap di Guangzhou dan ia mendirikan Masjid Huisheng yang menjadi salah satu tonggak sejarah Islam paling berharga di China. Masjid ini menjadi masjid tertua di China dan usianya sudah melebihi 1300 tahun. Masjid ini terus bertahan sebagai monumen sejarah China. Di perkarnangan masjid tersebut terdapat beberapa maqam lama umat Islam, dan salah satunya adalah maqam yang diperdayai milik Saad bin Abi Waqqas yang dikatakan telah menghabiskan sisa hidupnya di Guangzhou.

Dedikasi Saad bin Abi Waqqas dalam dakwah islam sesungguhnya amat signifikan dengan kepesatan syiar Islam hingga kini. Nama beliau sebagai sebuah figura yang bertanggungjawab kepada Cahaya Islam tetap dikenang

Rujukan:

<https://worldpopulationreview.com/country-rankings/muslim-population-by-country>  
<https://mymuslimin.com/>

# DEFECT LIABILITY PERIOD : APAKAH HAK PEMBELI RUMAH?

Disediakan oleh: Nurulzia binti Ibrahim

**S**etiap orang mempunyai impian ingin memiliki rumah idaman. Saat "dapat kunci" pastinya satu pengalaman yang mengujakan untuk setiap pembeli rumah lebih-lebih lagi aset tersebut merupakan rumah pertama. Akan tetapi, tidak semua rumah idaman itu siap dibina dengan sempurna. Mungkin juga ada pembeli yang tidak tahu bahawa rumah yang dibeli datang bersama waranti sekiranya terdapat apa-apa kerosakan sepanjang tempoh waranti tersebut. Kerosakan atau kecacatan (defect) perlu diteliti oleh pembeli rumah atau mengupah orang yang pakar bagi memastikan rumah idaman pembeli mengikuti spesifikasi rumah yang telah dipersetujui.

Tempoh tanggungan kecacatan atau *Defect Liability Period* (DLP) adalah tempoh selepas pembinaan atau pembelian rumah di mana pembeli mempunyai hak untuk melaporkan dan menuntut sebarang kerosakan atau kecacatan yang timbul. Dalam tempoh tersebut, pemaju / pembina perlu memperbaiki apa sahaja kerosakan yang dikehendaki oleh pembeli dengan percuma sebarang caj.

Di Malaysia, tempoh DLP yang ditetapkan bawah Akta Pembangunan Perumahan, atau Housing Development Act (HDA) 1966 adalah selama 24 bulan daripada tarikh dapat kunci. Antara hak pembeli rumah sepanjang tempoh Defect Liability Period adalah :-

## 1. KENALPASTI DAN LAPORKAN KEROSAKAN KEPADA PEMAJU / PEMBINA:

Pembeli mempunyai hak untuk memeriksa, mengenalpasti dan melaporkan sebarang kerosakan atau kecacatan yang ditemui dalam rumah mereka kepada pemaju atau pembina dalam tempoh DLP.

## 2. PEMBAIKAN KEROSAKAN OLEH PEMAJU

Pemaju / pembina bertanggungjawab untuk membaiki atau menggantikan bahagian rumah yang mengalami kerosakan atau kecacatan semasa DLP tanpa sebarang caj kepada pembeli.

## 3. PEMERIKSAAN SEMULA OLEH PEMBELI

Pembeli berhak untuk melakukan pemeriksaan berulang untuk memastikan semua kerosakan atau kecacatan diperbaiki dengan memuaskan selama DLP.

## 4. PEMBELI BOLEH MEMINTA TUNTUTAN GANTIRUGI DARIPADA PEMAJU ATAU MELALUI TRIBUNAL PERUMAHAN

Jika pemaju atau pembina gagal untuk memperbaiki kerosakan atau kecacatan dalam tempoh DLP, pembeli berhak untuk menuntut gantirugi atau mendapatkan pembaikan dari pihak lain dan menuntut kos tersebut dari pemaju dan melaporkan kepada pihak tribunal perumahan

## 5. DOKUMENTASI YANG BETUL

Pembeli perlu menyimpan rekod dokumentasi yang betul mengenai kerosakan atau kecacatan yang dilaporkan selama DLP sebagai bukti jika terdapat pertikaian.

Bagi melindungi hak pembeli, adalah penting untuk membaca dengan teliti perjanjian jual beli dan kontrak pembinaan semasa membeli rumah untuk memahami dengan jelas hak dan tanggungjawab sepanjang *Defect Liability Period*. Ini bagi membantu melindungi hak pembeli dan memastikan bahawa rumah yang dibeli berada dalam keadaan yang memuaskan sepanjang tempoh tersebut. Jadilah pembeli rumah pertama yang bijak!

Rujukan :-

1. <https://www.kpkt.gov.my/index.php/pages/view/292>
2. <https://ukas.sarawak.gov.my/2023/07/16/pembeli-rumah-ada-hak-lapor-kecacatan-rumah-baru-kepada-tribunal-perumahan/>
3. <https://theedgemalaysia.com/article/know-your-stuff-understanding-defect-liability-period-and-latent-defects>
4. <https://www.iproperty.com.my/bm/panduan-hartanah/kecacatan-rumah-strata-hak-pembeli-bagaimana-mengambil-tindakan-undang-undang-68516>



# JENAYAH TERHADAP ALAM SEKITAR DARI PERSPEKTIF ISLAM

Disediakan oleh: Abang Zulkernain bin Abang Yusuf

**M**alaysia ialah sebuah negara yang kaya dengan sumber alam serta pelbagai spesis flora dan fauna yang menarik. Namun peningkatan kegiatan jenayah alam sekitar kebelakangan ini oleh perbuatan sekelintir pihak yang tidak bertanggungjawab amat membimbangkan serta boleh menyebabkan negara berisiko kehilangan khazanah semulajadi ini yang tiada gantinya.

Islam menekankan pentingnya menjaga alam sekitar dan menganggap kerosakan terhadapnya sebagai satu jenayah. Allah SWT berfirman dalam Al-Qur'an:

**Maksudnya: "Janganlah kamu membuat kerosakan di bumi setelah (Allah) memperbaikinya" (Surah Al-A'raf, 7:56).**

Ayat ini memberi amaran keras terhadap sebarang bentuk kerosakan yang boleh merosakkan ekosistem dan kesejahteraan makhluk hidup.

Jenayah Alam Sekitar boleh ditakrifkan sebagai perbuatan yang mendarangkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan ekosistem. Kajian oleh Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNEP), 'State of Knowledge of Crimes with Serious Impacts on the Environment' mendapat terdapat lima bidang jenayah alam sekitar yang paling lazim di seluruh dunia, iaitu; Jenayah hidupan liar, pembalakan haram, penangkapan ikan secara haram dan jenayah pencemaran.

Justeru, kegiatan seperti pencemaran udara, pembuangan sisa toksik, pembalakan haram, dan pemburuan spesies terancam, adalah perbuatan yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam. Islam mengajar bahawa alam semesta ini adalah amanah yang diberikan Allah SWT kepada manusia, dan manusia bertanggungjawab untuk menjaga, memelihara, dan tidak menyalahgunakannya. Sebagai Khalifah di bumi, umat Islam dilarang untuk bertindak secara destruktif terhadap alam sekitar.

Rasulullah SAW juga menegaskan pentingnya pemeliharaan alam. Baginda bersabda, "Tidaklah seorang Muslim menebang pohon atau merosakkan tanaman, kecuali Allah akan memberinya dosa" (Hadis riwayat Al-Bukhari). Hadis ini menunjukkan bahawa sebarang tindakan yang menyebabkan kerosakan terhadap flora dan fauna adalah perbuatan yang dilarang dalam Islam.

Selain itu, Islam melarang pemborosan dalam penggunaan sumber alam. Allah SWT berfirman,

**Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan" (Surah Al-Isra, 17:27).**

Pembaziran sumber daya alam yang tidak bertanggungjawab, seperti pembalakan liar atau penggunaan air yang berlebihan, adalah satu bentuk jenayah alam sekitar yang perlu dihindari.

Kesimpulannya, Islam mengajar bahawa menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab dan amanah yang dipikul oleh seorang mukmin, dan sebarang perbuatan yang merosakkan alam sekitar adalah satu dosa yang perlu dielakkan.

Rujukan:

1. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1194665/penjenayah-alam-sekitar-perlu-disebat-penjara>
2. [https://www.researchgate.net/publication/351707632\\_KONSEP\\_JENAYAH\\_ALAM\\_SEKITAR\\_MENURUT\\_ISLAM#:~:text=l,dan%20penerokaan%20tanah%20secara%20haram](https://www.researchgate.net/publication/351707632_KONSEP_JENAYAH_ALAM_SEKITAR_MENURUT_ISLAM#:~:text=l,dan%20penerokaan%20tanah%20secara%20haram)
3. <https://harakahdaily.net/index.php/2020/09/15/jenayah-atau-maksiat-alam-sekitar-yang-mana-satu/>
4. <https://ikram.org.my/jenayah-alam/>
5. <https://www.malaysiakini.com/news/606964>
6. <https://www.sinarharian.com.my/article/655887/berita/nasional/jenayah-alam-sekitar-disabit-di-mahkamah-menengkat-tahun-lepas--nik-nazmi>



# PENGARUH MEDIA SOSIAL: BAGAIMANA PLATFORM DIGITAL MEMBENTUK JENAMA MASA KINI

Disediakan oleh : Farah Farina binti Hossien

**A**pa itu media sosial? Ia adalah teknologi digital interaktif yang sering digunakan orang ramai untuk perkara seperti bertukar idea melalui sambungan rangkaian. Media sosial juga telah menjadi alat pemasaran yang sangat penting bagi pelbagai perniagaan dan organisasi. Platform seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan TikTok telah mengubah cara sesebuah jenama berinteraksi dengan pelanggan dan berkommunikasi secara global. Kesan media sosial terhadap sesebuah jenama adalah luas dan berpengaruh dalam pelbagai aspek, termasuk kesedaran jenama, penjenamaan semula, interaksi pelanggan, serta pengurusan reputasi. Terdapat beberapa kesan utama media sosial terhadap jenama dan bagaimana perniagaan boleh memanfaatkannya untuk kejayaan jangka panjang.

Pertama sekali, media sosial memberi peluang untuk meningkatkan kesedaran jenama. Dengan jumlah pengguna yang mencapai peningkatan di seluruh dunia, media sosial menyediakan platform untuk jenama memperkenalkan diri mereka kepada khalayak yang lebih luas dan berpotensi tinggi. Ini penting bagi jenama baharu yang ingin membina asas pelanggan dan mencapai populariti dalam pasaran. Media sosial juga membolehkan sesebuah jenama menjalankan kampen pemasaran yang lebih murah dan efektif, di mana mereka dapat menggunakan iklan berbayar atau kampen viral untuk menjangkau kumpulan demografi sasaran dengan lebih tepat. Kesedaran yang luas ini boleh meningkatkan jualan dan memberi impak yang positif kepada pertumbuhan jenama.

Selain itu, media sosial memperluas potensi interaksi antara jenama dan pelanggan. Platform ini membolehkan sesebuah jenama berkommunikasi secara langsung dengan pelanggan melalui komen, mesej peribadi, atau siaran langsung. Interaksi yang kerap dan positif ini boleh meningkatkan kepercayaan pelanggan terhadap jenama, menjadikan jenama lebih relevan dan mersa pengguna. Sebagai contoh, pelanggan boleh berkongsi pengalaman mereka menggunakan produk, yang kemudiannya dibalas komen atau dikongsi oleh pihak jenama sebagai cara mengiktiraf pelanggan mereka. Dalam masa yang sama, jenama juga boleh menerima maklum balas secara terus daripada pelanggan, yang boleh digunakan untuk meningkatkan kualiti produk atau perkhidmatan yang ditawarkan.

Namun, media sosial juga boleh menjadikan reputasi jenama jika tidak diurus dengan baik. Perkongsian pengalaman buruk atau komen negatif oleh pelanggan boleh tersebar luas dengan cepat, mencemarkan imej jenama. Satu kesilapan kecil boleh membawa kepada krisis besar yang memerlukan usaha dan kos yang tinggi untuk memperbaikinya. Oleh itu, jenama perlu memastikan bahawa mereka bertindak balas secara profesional dan pantas dalam menangani komen negatif atau krisis yang berlaku di media sosial. Satu strategi yang popular dalam menangani situasi ini adalah dengan pendekatan 'Perkhidmatan Pelanggan 24/7' untuk memastikan isu-isu yang timbul dapat diatasi dengan segera, serta meyakinkan pelanggan bahawa mereka dihargai.

Di samping itu, media sosial juga memudahkan penjenamaan semula untuk memperbaharui imej atau identiti jenama. Penjenamaan semula yang berjaya boleh memberi nafas baharu kepada jenama yang ingin menarik generasi pelanggan yang berbeza atau mengikuti trend terkini. Sebagai contoh, banyak jenama fesyen menggunakan platform seperti Instagram dan TikTok untuk mencipta gaya visual baharu yang lebih menarik minat generasi muda, mengekalkan relevansi jenama di pasaran yang sentiasa berubah. Dengan adanya analitik yang disediakan oleh media sosial, jenama boleh menilai kejayaan strategi penjenamaan semula mereka melalui jumlah like, shares, dan ulasan.

Akhir sekali, media sosial memperkuuh strategi pemasaran berdasarkan data. Setiap platform media sosial menyediakan analitik terperinci mengenai prestasi kempen dan demografi pengguna, yang membolehkan jenama memahami dengan lebih baik tentang tingkah laku pelanggan mereka. Maklumat ini dapat digunakan untuk mengubah suai strategi pemasaran, memilih waktu siaran yang tepat, atau menyesuaikan kandungan agar lebih relevan dengan minat pengguna. Dengan pemahaman ini, jenama boleh menjalankan kempen yang lebih berkesan dan berfokus kepada keperluan sertakehendak pelanggan.

Kesimpulannya, media sosial membawa kesan yang signifikan terhadap jenama dengan membuka peluang untuk meningkatkan kesedaran jenama, memperbaiki interaksi pelanggan, dan menguruskan reputasi secara lebih efisien. Walaupun terdapat risiko jika tidak diuruskan dengan betul, media sosial telah terbukti menjadi alat penting dalam penjenamaan moden yang berdaya saing. Jenama yang bijak memanfaatkan platform ini mampu mengukuhkan posisi mereka di pasaran, memperluas pengaruh, dan mewujudkan hubungan yang lebih baik dengan pelanggan mereka.

Sumber rujukan :

- <https://id.linkedin.com/pulse/bagaimana-media-sosial-mempengaruhi-kehidupan-digital-te>
- <https://ms.adcreative.ai/post/the-impact-of-social-media-on-advertising>
- <https://www.simpleglobal.com/ms/blog/social-media-and-its-impact-on-your-business/>
- <http://ojs.politeknikjambi.ac.id/index.php/jaab/article/view/263/217>

# TEKNOLOGI BMS: TRANSFORMASI BANGUNAN MODEN

Disediakan oleh : Hafiz Fadillah bin Bahar

Sistem Pengurusan Bangunan (BMS) atau Sistem Automasi Bangunan (BAS) merupakan teknologi terkini yang digunakan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanannya pengurusan bangunan. Ia menggabungkan pelbagai komponen, termasuk kawalan pencahayaan, sistem penyamanan udara (HVAC), keselamatan, penggunaan tenaga, dan pemantauan operasi bangunan secara automatik. Dengan teknologi ini, bangunan dapat berfungsi secara lebih pintar, cekap, dan mesra alam, memenuhi keperluan moden yang semakin kompleks.

Salah satu kelebihan utama BMS ialah keupayaannya untuk menjimatkan tenaga dan kos. Melalui pengoptimuman operasi, ia dapat mengelakkan pembaziran seperti lampu yang dibiarkan menyala tanpa keperluan atau penyamanan udara yang beroperasi di ruang kosong. Dengan penyesuaian automatik berdasarkan waktu dan kehadiran, sistem ini memastikan sumber tenaga digunakan secara efektif, seterusnya mengurangkan kos operasi bangunan. Selain itu, BMS menyumbang kepada pengurusan tenaga yang lebih lestari, menjadikannya selaras dengan inisiatif bangunan hijau.

Di samping itu, BMS meningkatkan keselamatan penghuni bangunan melalui pemantauan sistem seperti CCTV, kawalan akses, dan penggera kebakaran. Pengurusan bangunan boleh mendapatkan amaran segera sekiranya berlaku ancaman atau kecemasan, membolehkan tindakan pantas diambil. Malah, fungsi pemantauan jarak jauh membolehkan pengurusan bangunan dilakukan walaupun tanpa kehadiran fizikal, menjadikannya lebih fleksibel dan responsif.

Namun, pelaksanaan BMS tidak terlepas daripada cabaran. Kos pemasangan awal yang tinggi sering menjadi halangan utama, terutamanya untuk bangunan lama yang memerlukan pengubahsuaihan. Selain itu, operasi dan penyelenggaraan sistem ini memerlukan tenaga kerja yang mahir dalam teknologi terkini. Kekurangan pekerja dengan kemahiran teknikal boleh menyebabkan masalah dalam memastikan sistem berfungsi dengan lancar. Seterusnya, integrasi BMS dengan sistem lama juga kadangkala menghadapi isu ketidakserasanian.

Walaupun terdapat cabaran, manfaat jangka panjang BMS menjadikannya pelaburan yang berbaloi. Bangunan yang dilengkapi dengan sistem ini lebih cekap dari segi tenaga dan kos operasi, serta menawarkan keserasian dan keselamatan yang lebih tinggi kepada penghuni. Lebih penting lagi, teknologi ini menyokong matlamat kelestarian alam sekitar dengan menggalakkan penggunaan tenaga yang lebih bertanggungjawab.


Sebagai tambahan, BMS juga menyumbang kepada pengalaman pengguna yang lebih baik. Contohnya, suhu dalam bangunan boleh disesuaikan secara automatik mengikut waktu atau keperluan penghuni, memastikan suasana yang kondusif tanpa gangguan. Pada masa yang sama, pengurusan tenaga yang lebih baik bukan sahaja memberi kesan positif kepada kos operasi, malah membantu mengurangkan jejak karbon bangunan.

Teknologi BMS memainkan peranan penting dalam mewujudkan bangunan pintar yang memenuhi keperluan moden. Ia bukan sahaja memberi kelebihan dari segi penjimatkan kos dan tenaga, tetapi juga menyokong keselamatan, fleksibiliti, dan kelestarian. Dengan integrasi teknologi seperti kecerdasan buatan (AI) dan Internet Pelbagai Benda (IoT), BMS berpotensi untuk menjadi lebih maju pada masa hadapan. Bangunan yang dilengkapi dengan sistem ini bukan sahaja memberi keselesaan kepada penghuni tetapi juga menyumbang kepada persekitaran yang lebih hijau dan lestari.

Kesimpulannya, Sistem Pengurusan Bangunan adalah satu langkah inovatif dalam pengurusan bangunan moden. Walaupun kos dan keperluan teknikal menjadi cabaran, manfaat yang diperoleh jauh melebihi kelemahan tersebut. Pelaksanaan BMS bukan sahaja memberi nilai tambah kepada bangunan, malah menyumbang kepada masa depan pengurusan bangunan yang lebih cekap, pintar, dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar. Teknologi ini adalah pelaburan yang penting untuk memastikan bangunan masa depan mampu menangani cabaran moden dengan lebih berkesan.

Sumber:

1. <https://qnextech.com/ms/blog/what-is-bms-building-management-system-and-how-does-it-works/>



# PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN (“ARTIFICIAL INTELLIGENCE”) DALAM BIDANG PERUNDANGAN

Disediakan oleh: Nusrin binti Mohamad Idris

R evolusi Perindustrian ke Empat merupakan satu fenomena yang menggunakan teknologi terkait dengan automasi<sup>1</sup> dan pertukaran data dalam proses pengeluaran sekali gus melahirkan teknologi Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (“AI”).

Penggunaan AI dalam revolusi perindustrian kini telah mempengaruhi pelbagai industri dan bidang perundangan tidak terlepas daripada pengaruh AI. Penggunaan teknologi AI telah mempertingkatkan proses pengurusan dokumen hingga kepada proses penganalisisan preceden kes dan sebagainya. Namun, selari dengan arus pemodenan, masyarakat khususnya pemain industri perundangan bimbang sekiranya suatu hari nanti kita tidak lagi memerlukan hakim-hakim<sup>2</sup> manusia dan peguam-pegawai manusia disebabkan penggantian oleh teknologi AI ini.

Mari kita lihat kesan penggunaan teknologi AI dalam bidang perundangan:

## 1. Meningkatkan Kecekapan

Penggunaan AI telah memberi impak yang baik kerana pemain industri seperti peguam dan ahli perundangan yang lain dapat menjimatkan masa dan kos kerana ia dapat mengehadkan penggunaan kepakaran tradisional seperti menyemak dokumen, merangka kontrak dan membuat penyelidikan perundangan. Dengan adanya penggunaan aplikasi AI seperti *E-Discovery* dan *Predictive Coding* seperti sistem *Technology Assisted Research* (“TAR”), pihak peguam mampu membuat semakan 723,537 dokumen dalam masa lima hari<sup>3</sup>. Walaubagaimanapun, sistem TAR ini bersifat terhad kerana ia hanya mampu menyemak teks dan memakan kos yang tinggi untuk dilaksanakan terutamanya untuk firma-firma guaman kecil. Sistem TAR juga tidak mampu untuk menyemak imej dan video<sup>4</sup> yang sering digunakan dalam proses perundangan.

Oleh yang demikian, para pemain industri masih perlu menggembung tenaga dan kos untuk membuat semakan terakhir bagi memastikan tiada maklumat dan data yang terlepas pandang<sup>5</sup> oleh sistem TAR tersebut. Firma-firma kecil juga perlu mempertimbangkan sekiranya penggunaan TAR ini berbaloi serta menjimatkan kos.



## 2. Penyemakan Kontrak dan Proses Due Diligence

Penggunaan AI juga digunakan untuk membuat penyemakan dokumen dan data kontrak serta pelaksanaan proses *due diligence*. Sebagai contoh, penyemakan kontrak pinjaman komersial yang menggunakan sistem *JPMorgan Chase COIN (Contract Intelligence)*<sup>6</sup> mampu menjimatkan lebih kurang 360,000 jam setahun<sup>7</sup>. Penyemakan menggunakan perisian ini mampu menjimatkan masa, sumber untuk melaksanakan tugas tersebut serta mengurangkan kesilapan manusia.

Dalam proses *due diligence* pula, disebabkan proses ini sering dilakukan untuk mengukur kebaikan dan risiko sesuatu perancangan atau pelaburan, perisian AI digunakan untuk membuat semakan pelbagai dokumen untuk menganalisis risiko. Namun, AI juga boleh membuat kesilapan kerana ia hanya mampu melaksanakan tugas berdasarkan data input dan ilmu yang spesifik dimasukkan oleh manusia ke dalam sistem<sup>8</sup>.

Justeru itu, para profesional disarankan untuk membuat semakan akhir untuk mengelakkan perisian AI menyediakan dokumen yang tidak berkualiti<sup>9</sup>.

## 3. Penyelidikan Perundangan

Penyelidikan perundangan juga kini menjadi lebih efisien dengan adanya teknologi AI. Perisian AI terawal yang menyediakan semakan preceden kes adalah seperti *Westlaw* dan *Lexis Nexis*<sup>10</sup> dan diikuti oleh CLJ. Penggunaan perisian ini memerlukan pengguna memasukan input data, kata kunci atau nombor kes untuk membuat carian. Disebabkan AI bersifat algoritma dan bergantung pada data berstruktur atau tidak berstruktur<sup>11</sup>, ini memerlukan pengguna membuat semakan maklumat satu per satu berdasarkan data yang diperolehi sebelum mendapat preceden kes yang diperlukan.

Oleh yang demikian, AI dalam penyelidikan perundangan masih memerlukan keupayaan manusia untuk menyemak semula preceden-preceden kes yang dicari untuk memastikan ianya relevan dan sesuai.

Kesimpulannya, walaupun AI bersifat efisien dan mampu melaksanakan tugas-tugas mudah, ianya masih tidak dapat menggantikan tenaga dan kepakaran manusia dalam bidang perundangan yang memerlukan fikiran di luar kotak dan keupayaan kecerdasan emosi untuk membina strategi dan penyelesaian<sup>12</sup> kes untuk klien.

Rujukan:

1. Muhammad Saufi Hassan, 17 Januari 2023, Revolusi Industri 4.0, <<https://www.hmetro.com.my/itmetro/2023/01/926526/revolusi-industri-40>> Diakses pada 05.11.2024
2. Ziyaad Bharat, 8 Ogos 2017, Do We Still Need Human Judges in the Age of Artificial Intelligence? OpenDemocracy, <<https://www.opendemocracy.net/en/transformation/do-we-still-need-human-judges-in-the-age-of-artificial-intelligence/>> Diakses pada 05.11.2024.
3. Bhavani, R., & S. Thuraisingham, A. (2022). Artificial Intelligence and Its Impact on the Legal Fraternity. UUM Journal of Legal Studies, 13(2), Mukasurat 137 <<https://repo.uum.edu.my/id/eprint/29098/1/UUMJLS%2013%2002%202022%20129-161.pdf>> Diakses pada 05.11.2024.
4. Bhavani, R., J., & S. Thuraisingham, A. (2022). Artificial Intelligence and Its Impact on the Legal Fraternity. UUM Journal of Legal Studies, 13(2), Mukasurat 137 <<https://repo.uum.edu.my/id/eprint/29098/1/UUMJLS%2013%2002%202022%20129-161.pdf>> Diakses pada 05.11.2024.
5. Bhavani, R., J., & S. Thuraisingham, A. (2022). Artificial Intelligence and Its Impact on the Legal Fraternity. UUM Journal of Legal Studies, 13(2), Mukasurat 137 <<https://repo.uum.edu.my/id/eprint/29098/1/UUMJLS%2013%2002%202022%20129-161.pdf>> Diakses pada 05.11.2024.
6. The AI Zone, 27 June 2024, How JPMorgan Chase's COIN is Revolutionizing Financial Operation with AI, <[https://medium.com/@the\\_AI\\_ZONE/how-jpmorgan-chases-coin-is-revolutionizing-financial-operations-with-ai-120a2938dab7](https://medium.com/@the_AI_ZONE/how-jpmorgan-chases-coin-is-revolutionizing-financial-operations-with-ai-120a2938dab7)> Diakses pada 05.11.2024.
7. Bhavani, R., J., & S. Thuraisingham, A. (2022). Artificial Intelligence and Its Impact on the Legal Fraternity. UUM Journal of Legal Studies, 13(2), Mukasurat 138 <<https://repo.uum.edu.my/id/eprint/29098/1/UUMJLS%2013%2002%202022%20129-161.pdf>> Diakses pada 05.11.2024.
8. G. Vijay Kumar, Nicole Shieh E-Lyn, 21.02.2023 Could Artificial Intelligence replace Lawyers in Malaysian Courts? <<https://lh-ag.com/could-artificial-intelligence-replace-lawyers-in-malaysian-courts/>> Diakses pada 05.11.2024.
9. Bhavani, R., J., & S. Thuraisingham, A. (2022). Artificial Intelligence and Its Impact on the Legal Fraternity. UUM Journal of Legal Studies, 13(2), Mukasurat 139 <<https://repo.uum.edu.my/id/eprint/29098/1/UUMJLS%2013%2002%202022%20129-161.pdf>> Diakses pada 05.11.2024.
10. Bhavani, R., J., & S. Thuraisingham, A. (2022). Artificial Intelligence and Its Impact on the Legal Fraternity. UUM Journal of Legal Studies, 13(2), Mukasurat 139 <<https://repo.uum.edu.my/id/eprint/29098/1/UUMJLS%2013%2002%202022%20129-161.pdf>> Diakses pada 05.11.2024.
11. Quinyx. What's The Difference Between AI, ML and Algorithms? <<https://www.quinyx.com/blog/difference-between-ai-ml-algorithms>> Diakses 06.11.2024.
12. G. Vijay Kumar, Nicole Shieh E-Lyn, 21.02.2023 Could Artificial Intelligence replace Lawyers in Malaysian Courts? <<https://lh-ag.com/could-artificial-intelligence-replace-lawyers-in-malaysian-courts/>> Diakses pada 05.11.2024.



# PENUBUHAN POLIS BANTUAN LAKMNS

Disediakan oleh: Yusuf bin Mohamad Nassir

Penubuhan Polis Bantuan adalah mengikut Bahagian IX, Akta Polis, No.41/67 dan Peraturan-Peraturan (Polis Bantuan) Polis 1970 (P.U.A) 461 bertarikh 21 Disember 1970 dimana Ketua Polis Negara boleh, atas permohonan agensi-agensi yang menubuhkan Polis Bantuan menggunakan apa-apa nama yang bersesuaian dengan matlamat dan penubuhan agensi berkenaan. Perintah Tetap Ketua Polis Negara ini adalah satu peraturan dan garis panduan bagi penubuhan dan pengurusan Polis Bantuan yang perlu dipatuhi mengikut tatacara yang telah ditetapkan agar fungsi dan peranan Polis Bantuan dapat dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

Pegawai Polis Bantuan bermaksud mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 47 Akta Polis 1967 dan diberikan kuasa-kuasa dan keistimewaan-keistimewaan untuk menjalankan tugas-tugas polis di dalam sesuatu kawasan yang ditetapkan di bawah kawalan agensi Polis Bantuan. Objektif penubuhan Polis Bantuan adalah untuk memberi khidmat polis ke kawasan-kawasan di mana liputan polis tidak berkesan dan di bawah pentadbiran dan pengurusan agensi Polis Bantuan, membolehkan Polis Bantuan mempunyai kuasa-kuasa polis mebawa dan menggunakan senjata api semasa melaksanakan tugas-tugas di dalam kawasan pentadbiran dan pengurusannya sahaja. Sekiranya diperlukan, Polis Bantuan boleh bertugas di luar kawasan agensi dengan kebenaran bertulis oleh Pesuruhjaya Polis Negeri, Ketua Polis Negeri. Polis Bantuan juga boleh menjadi unit sokongan atau bantuan kepada Polis Diraja Malaysia dalam situasi yang diperlukan dan untuk mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam.

Sejarah permulaan penubuhan Unit Keselamatan LAKMNS adalah sekitar tahun 1991 dengan kekuatan seramai 8 orang pengawal keselamatan. Kini Unit Keselamatan telah berkembang Menjadi Bahagian Keselamatan dimana skop tugas dan tanggungjawab serta kawasan yang perlu dijaga adalah lebih meluas dan disebabkan itu, penubuhan Polis Bantuan adalah perlu untuk memastikan kawalan yang lebih teratur dan sejajar dengan perkembangan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak secara keseluruhannya.



Penubuhan Polis Bantuan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak telah diluluskan oleh Ketua Polis Negara dengan penjawatan seramai 124 orang pada 26 Jun 2014. Watikah kelulusan telah disampaikan oleh Komisioner Polis, Dato' Wira Ayub bin Haji Yaacob, Pengarah Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) PDRM kepada Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Sarawak merangkap Timbalan Pengerusi, Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak pada 6 Ogos 2014 pada ketika itu.



Untuk skop tugas penugasan Polis Bantuan hanya tertakluk kepada menjaga dan mengawal keselamatan aset majikan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak sahaja. Justeru itu, di bawah Perintah Tetap Ketua Polis Negara H602, Pegawai Polis Bantuan adalah ditugaskan dalam kawasan pentadbiran agensi bagi tugas-tugas polis iaitu rondaan, bit dan kawalan statik, kawalan orang ramai, memeriksa orang dan kenderaan, melindungi dan mengiringi harta agensi dengan syarat memaklumkan kepada Ketua Polis Daerah yang berkenaan, mencegah kesalahan-kesalahan jenayah dan mengesan dan menangkap pesalah-pesalah.

Rujukan:

Perintah Tetap Ketua Polis Negara H 602, Polis Bantuan.



# MENCINTAI MASJID MERAIH PAHALA

Disediakan oleh: Muhammad Nur Izzat bin Muaz

**M**asjid merupakan sebuah binaan yang penting untuk umat Islam. Ini kerana masjid adalah tempat perlaksanaan rukun Islam yang kedua. Pada zaman Rasulullah SAW, masjid adalah pusat pentadbiran negara. Baginda mengadakan mesyuarat, menghimpuun masyarakat, menerima kunjungan daripada tetamu luar negara dan sebagainya di lakukan di masjid. Masjid yang berfungsi akan memberikan banyak faedah dan manfaat kepada masyarakat sekitarnya tidak kira dari aspek keilmuan, pusat rujukan dan khidmat kepada masyarakat. Oleh itu, masjid merupakan tempat yang patut kita cintai kerana ianya adalah tempat utama untuk kita mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Sebagai orang Islam kita dikehendaki untuk mendekatkan diri ke masjid, ini kerana masjid adalah sebuah tempat untuk umat Islam seperti kita mendekatkan diri dengan Allah dan menjadi satu kelebihan terhadap seseorang apabila hatinya terpaut untuk mencintai masjid. Daripada Abi Sa'id RA, Bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud "Bila kamu sekalian melihat seseorang yang sentiasa pergi ke masjid maka persaksianlah keimanan untuknya". (Hadis Riwayat Ahmad) Jadi jelaslah bahawa orang yang sentiasa mendekatkan dirinya ke masjid ini adalah orang yang beriman kepada Allah SWT. Masjid adalah tempat yang penuh dengan keberkatan. Ketika seseorang mencintai masjid dan kerap beribadah di dalamnya, ia akan lebih mudah merasa dekat dengan Allah. Masjid adalah tempat yang mengingatkan umat Islam untuk selalu menjaga hubungan dengan Allah dan menjaga kesucian hati.

Salah satu kelebihan besar bagi orang yang mencintai masjid ialah mendapat pahala solat berjemaah. Pahala solat berjemaah lebih besar ganjarannya daripada solat bersendirian. Nabi Muhammad SAW bersabda, "Solat berjemaah lebih utama daripada solat seorang diri dengan dua puluh tujuh darjah." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim) Ini menunjukkan bahawa pergi ke masjid untuk solat berjemaah merupakan amalan yang sangat dianjurkan.



Secara Keseluruhannya, mencintai masjid merupakan amalan yang sangat dihargai dalam Islam kerana masjid adalah tempat yang penuh keberkatan, ibadah, dan ilmu. Mencintai masjid bukan sahaja dengan menghadirkan diri ke masjid untuk solat berjemaah, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan dan pemeliharaan masjid, serta memastikan masjid tetap menjadi pusat kehidupan rohani dan sosial umat Islam. Ia adalah amalan yang membawa manfaat yang berterusan, bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat. Oleh itu, mencintai masjid adalah salah satu cara untuk memperbaiki diri, memperbanyak amalan kebaikan, dan meraih keredhaan Allah.

Rujukan :

Sahih al-Bukhari. Kitab al-Solat.

<https://www.muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/1154-bayan-linnas-siri-63-masjid-kanak-kanak>

# 12 KEMAHIRAN KOMPETENSI 'COMPETENCY SKILLS' DALAM ORGANISASI



Disediakan oleh: Izzuddin bin Suhaili

**M**asalah utama dalam organisasi sering kali berkait dengan pengurusan, komunikasi, dan budaya kerja. Antara masalah utama yang sering berlaku di dalam organisasi adalah Kurang Komunikasi 'Lack of Communication' dan Sikap Rendah atau buruk 'Low / Bad Attitude' di kalangan pekerja di dalam organisasi. Kekurangan komunikasi berlaku apabila maklumat, arahan atau panduan tidak disampaikan dengan jelas atau tepat kepada individu atau kumpulan dalam organisasi manakala sikap rendah / buruk merujuk kepada tingkah laku pekerja yang tidak produktif, tidak bermotivasi atau negatif terhadap kerja, rakan sekerja dan organisasi. Sehubungan itu, bagi mengatasi masalah utama ini, setiap organisasi perlu melaksanakan 12 Kemahiran Kompetensi 'Competency Skills'. Kemahiran Kompetensi merujuk kepada gabungan pengetahuan, kemahiran, kebolehan dan sikap yang diperlukan seseorang untuk melaksanakan tugas atau tanggungjawab dengan cekap dan berkesan. 12 Kemahiran Kompetensi tersebut adalah:

## 1. MENDENGAR - 'LISTENING'

- Keupayaan untuk mendengar secara aktif dan memahami maklumat yang disampaikan oleh orang lain, sama ada dari rakan sekerja, pelanggan atau pihak pengurusan.

## 2. KOMUNIKASI - 'COMMUNICATION'

- Proses penyampaian maklumat, idea, arahan atau maklum balas antara individu atau kumpulan untuk mencapai objektif bersama.

## 3. KEMAHIRAN MENYOAL - 'QUESTIONING SKILLS'

- Keupayaan untuk mengemukakan soalan secara berkesan bagi mendapatkan maklumat, menjelaskan isu atau menggalakkan perbincangan.

## 4. KECERDASAN EMOSI DAN KEROHANIAN - 'EMOTIONAL AND SPIRITUAL QUOTIENT' (ESQ)

- Pendekatan pembangunan diri yang menggabungkan aspek kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan rohani untuk mencapai keseimbangan dalam kehidupan peribadi dan profesional.

## 5. PERANCANGAN - 'PLANNING'

- Proses merancang tindakan dan strategi untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ia melibatkan analisis situasi semasa, mengenal pasti keperluan masa depan, menetapkan objektif dan menentukan cara terbaik untuk mencapainya.

## 6. KEPRIHATINAN TERHADAP PERINCIAN - 'CONCERN FOR DETAIL'

- Kemampuan atau kecenderungan untuk memperhatikan aspek-aspek kecil yang penting dalam tugas, keputusan atau proses kerja. Sikap ini memastikan ketepatan, kualiti dan konsistensi dalam semua aspek organisasi dari perancangan hingga pelaksanaan.

## 7. KEPIMPINAN - 'LEADERSHIP'

- Proses mempengaruhi dan mengarahkan individu atau kumpulan untuk mencapai matlamat organisasi. Pimpinan bertindak sebagai pemandu dan inspirasi untuk memastikan visi, misi, dan strategi organisasi dilaksanakan dengan berkesan.

## 8. PENGURUSAN STRESS DAN MASA - 'STRESS & TIME MANAGEMENT'

- Teknik dan strategi yang digunakan untuk menangani tekanan kerja serta mengurus masa secara efektif. Kedua-dua aspek ini penting untuk memastikan pekerja dapat bekerja dengan cekap, mengurangkan keletihan dan mencapai prestasi optimum dalam persekitaran yang kompetitif dan sering berubah.

## 9. BIMBINGAN DAN MENTOR - 'COACHING & MENTORING'

- 'Coaching' memberi tumpuan kepada matlamat spesifik, seperti menyelesaikan masalah atau meningkatkan kemahiran tertentu manakala 'Mentoring' adalah hubungan jangka panjang di mana seorang mentor yang lebih berpengalaman memberikan bimbingan, sokongan, dan nasihat kepada mentee untuk membantu perkembangan profesional dan peribadi mereka.

## 10. PERUNDINGAN - 'NEGOTIATION'

- Proses di mana dua atau lebih pihak yang mempunyai kepentingan, pandangan atau keperluan yang berbeza mencari penyelesaian bersama melalui perbincangan dan persetujuan bagi mencapai keputusan yang adil.

## 11. PENYELESAIAN MASALAH KREATIF - 'CREATIVE PROBLEM SOLVING'

- Menggunakan kreativiti untuk mencari penyelesaian inovatif terhadap cabaran atau masalah yang dihadapi dalam organisasi yang melibatkan pemikiran di luar kebiasaan untuk menghasilkan idea baharu yang boleh membawa kepada penyelesaian yang lebih baik dan berkesan.

## 12. KEBERTANGGUNGJAWABAN - 'ACCOUNTABILITY'

- Tanggungjawab individu atau kumpulan dalam organisasi untuk melaksanakan tugas, membuat keputusan dan mencapai hasil yang diharapkan dengan mengambil kira kesan tindakan mereka.

Dengan menguasai kemahiran kompetensi ini, organisasi dapat membina pasukan yang lebih tangkas, inovatif dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran yang semakin kompleks di dunia kerja. Kompetensi ini bukan sahaja menyelesaikan masalah yang ada tetapi juga membantu organisasi mengelakkan masalah di masa hadapan melalui perancangan dan pelaksanaan yang lebih cekap.

## RUJUKAN:

- Perkongsian daripada Dr. Raja Mohan ketika Kursus Anlytical Thinking - Creative Thinking & Problem Solving pada 20 – 21 November 2023 bertempat di Furama Hotel, Kuala Lumpur.

# DIDIK GAYA HIDUP LESTARI

Disediakan oleh: Dayang Siti Aishah binti Mohd Atei

**P**ada asasnya, kelestarian dunia pada masa hadapan bergantung kepada generasi muda pada hari ini. Generasi muda yang memiliki kesedaran dan tanggungjawab terhadap alam sekitar akan bertindak dalam memerangi cabaran alam sekitar seperti perubahan iklim, pencemaran, kepupusan spesies dan lain-lain. Gaya hidup lestari harus disemai sejak kecil agar suatu hari kelak generasi ini mampu menyembangi antara keperluan manusia dan pemeliharaan alam sekitar.

Gaya hidup lestari mengutamakan pengurangan impak negatif terhadap alam sekitar, namun dalam masa yang sama masih mampu menjaga keadilan sosial dan ekonomi demi mewujudkan dunia yang lebih mampan dan berdaya tahan. Pelbagai langkah boleh diambil untuk menerapkan nilai-nilai kelestarian alam kepada generasi muda.

Generasi muda perlu dididik tentang pentingnya memelihara alam sekitar. Berikan mereka dorongan agar terlibat dalam aktiviti sukarelawan seperti menjaga kebersihan pantai, hutan atau taman permainan. Aktiviti seperti menanam pokok atau membersihkan kawasan sekitar mampu mengajar mereka cara melihat dan menjadi peduli akan persekitaran. Namun apa yang lebih penting untuk difikirkan adalah bagaimanakah cara menarik minat generasi muda agar terlibat dengan aktiviti seperti ini.

Selain itu, usaha untuk mewujudkan kesedaran tentang isu alam sekitar seperti perubahan iklim dan kesannya juga perlu ditingkatkan. Kempen tentang kepentingan mengurangkan karbon jejak dapat mendidik generasi muda untuk memilih pengangkutan yang lebih mesra alam seperti berjalan kaki, berbasikal, atau menggunakan pengangkutan awam berbanding kendaraan persendirian.



Di sekolah, penyampaian ilmu tentang alam sekitar perlu menggunakan pendekatan yang lebih menarik agar impaknya lebih berkesan. Mengadakan aktiviti luar dengan mengajak pelajar untuk keluar dan meneroka alam semula jadi dapat membantu mereka menghargai keindahan alam dan memahami pentingnya pemeliharaannya. Di samping itu, pembelajaran berasaskan projek seperti projek kompos atau tanaman sayur boleh memberi mereka rasa tanggungjawab dan kesedaran berterusan tentang pentingnya tumbuh-tumbuhan dalam kehidupan sehari-hari.

Penganjuran pertandingan seperti pertandingan kitar semula atau keceriaan kelas bukan sahaja membantu mereka menghargai alam semula jadi, tetapi melatih mereka untuk menjadi generasi yang lebih bertanggungjawab terhadap persekitaran. Pembelajaran bertambah menarik sekiranya guru-guru menerapkan penggunaan teknologi dan permainan semasa mengajar.

Pembelajaran di sekolah hendaklah selari dengan amalan di rumah. Oleh itu, ibu bapa juga harus mendidik anak-anak dengan mengamalkan penjimatan sumber serta mengurangkan pembaziran makanan, air, dan tenaga. Contohnya, mematikan lampu dan menutup paip air semasa tidak digunakan dan mengamalkan konsep "makan mengikut keperluan" untuk mengelakkan pembaziran makanan. Ajarkan cara-cara untuk mengitar semula bahan buangan dan menggunakan semula barang-barang lama, seperti botol plastik atau kertas untuk tujuan lain.

Kesimpulannya, mendidik gaya hidup lestari bukan hanya tentang mengajar fakta atau kemahiran tertentu, tetapi lebih kepada membentuk pemikiran dan sikap yang akan membawa kepada hidup lebih seimbang dengan alam dan masyarakat.

#### Rujukan :

1. Penggunaan Kanak-kanak terhadap Kelestarian Alam Sekitar melalui Pembangunan Gamifikasi , Children's Power to Environmental Sustainability Through the Development of Gamification, e-journal UPSI
2. Keperluan Memperkasa Pendidikan Alam Sekitar, Fakulti Perubatan Dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia





## LIMA (5) TIPS KEWANGAN YANG PERLU ANDA TAHU

Dengan mematuhi peraturan 40%, peminjam dapat memastikan mereka mengekalkan pendapatan boleh guna yang mencukupi untuk kos kehidupan harian dan obligasi kewangan yang tidak dijangka. Amalan ini bukan sahaja mempromosikan kestabilan kewangan tetapi juga membina profil kredit yang lebih sihat dari masa ke masa. Oleh itu, adalah disarankan agar individu yang mempertimbangkan sebarang bentuk pembiayaan untuk menilai dengan teliti komitmen EMI keseluruhan mereka berbanding dengan pendapatan bulanan mereka.

Disediakan oleh: Ahmad Hisham bin Mohd Yakob

Berikut adalah lima (5) tips yang penting dalam pengurusan kewangan agar dapat membantu anda membina asas kewangan yang kukuh dan mencapai matlamat jangka panjang.

### DANA KECEMASAN

Dana kecemasan adalah komponen penting dalam perancangan kewangan yang baik, berfungsi sebagai jaringan keselamatan kewangan dalam situasi yang tidak dijangka. Disarankan untuk menyimpan sekurang-kurangnya 3 - 6 bulan pendapatan bulanan anda dalam akaun simpanan berasingan seperti Deposit Tetap jangka pendek, atau dana bersama (untuk pasangan suami isteri) yang boleh dicairkan. Dana ini haruslah mudah diakses untuk kegunaan segera semasa kecemasan seperti perbelanjaan perubatan, kehilangan pekerjaan, atau pembaikan kereta atau rumah.

Dengan mengekalkan dana kecemasan, individu dapat menikmati keselamatan tunai yang sedia ada sambil memperoleh sedikit keuntungan faedah melalui deposit tetap atau dana bersama. Simpanan dana tunai ini haruslah menjadikan keutamaan kepada sesiapa yang ingin mencapai kestabilan kewangan jangka panjang.

### UMUR-100

Peraturan UMUR-100 berfungsi sebagai panduan asas bagi individu yang ingin membina portfolio pelaburan yang kukuh. Prinsip ini menentukan bahawa peratusan pelaburan seseorang yang diperlukan kepada ekuiti harus ditentukan dengan menolak umur seseorang dari 100 tahun. Sebagai contoh, individu yang berumur 30 tahun akan mengira pelaburan ekuiti mereka seperti berikut:  $100 - 30 = 70\%$ . Ini menunjukkan bahawa pelabur tersebut harus memperuntukkan kira-kira 70% daripada portfolio mereka kepada ekuiti manakala baki 30% ditetapkan kepada instrumen hutang.

### 40% EMI

Apabila mengurus kewangan peribadi, amat penting untuk mengekalkan pendekatan yang seimbang terhadap hutang. Garis panduan asas yang perlu dipertimbangkan adalah bahawa ansuran bulanan "Equated Monthly Installment" (EMI) seseorang disarankan untuk tidak seharusnya melebihi 40% daripada pendapatan bulanan anda. Prinsip ini terpakai di seluruh dunia untuk semua jenis pinjaman, termasuk pinjaman kereta, gadai janji rumah, dan pinjaman peribadi.

### RATIO 20 / 5 / 10:

Peraturan pinjaman kereta 20 / 5 / 10 berfungsi sebagai panduan untuk individu yang mempertimbangkan pembelian kendaraan. Peraturan ini menetapkan tiga parameter penting yang harus dipatuhi semasa membeli kendaraan dengan pinjaman.

Pertama, disyorkan agar pembeli membuat bayaran pendahuluan sekurang-kurangnya 20% daripada harga jualan untuk kendaraan tersebut.

Kedua, tempoh maksimum untuk pembayaran balik tidak boleh melebihi lima tahun. Tempoh pinjaman yang lebih pendek umumnya mengakibatkan pembayaran faedah yang lebih rendah, sekali gus meminimumkan kos keseluruhan pinjaman.

Akhir sekali, disarankan agar ansuran bulanan yang ditetapkan (EMI) untuk pinjaman kereta tidak melebihi 10% daripada pendapatan bulanan seseorang. Ini memastikan peminjam mengekalkan kestabilan kewangan dan mengurangkan tekanan yang tidak perlu pada bajet mereka, membolehkan mereka memenuhi kewajipan kewangan lain tanpa beban.

### RATIO 5 / 10 / 40:

Apabila mempertimbangkan pembelian rumah, adalah penting untuk mematuhi garis panduan kewangan yang telah ditetapkan yang dikenali sebagai peraturan pinjaman rumah 5 / 10 / 40. Peraturan ini berfungsi sebagai penanda aras untuk baka pemilik rumah bagi memastikan pelaburan mereka kekal terkawal dan mampar.

Pertama sekali, harga rumah tidak boleh melebihi lima kali ganda pendapatan tahunan isi rumah anda. Garis panduan ini membantu mengekalkan kestabilan kewangan dengan mengelakkan individu daripada membebankan diri mereka berbanding dengan pendapatan mereka. Kedua, adalah disyorkan untuk membuat bayaran pendahuluan sekurang-kurangnya 10% daripada harga pembelian rumah.

Akhir sekali, adalah penting bahawa ansuran bulanan (EMI) anda tidak melebihi 40% daripada pendapatan bulanan anda. Mematuhi had ini memastikan bahawa peminjam mempunyai pendapatan boleh guna yang mencukupi untuk perbelanjaan dan simpanan lain, sekali gus mengekalkan kesihatan kewangan sepanjang tempoh pembiayaan.

Sumber rujukan:

- Effective financial education: Five principles and how to use them (2017). Consumer Financial Protection Bureau.
- Oliphant, H. The Theory of Money in the Law of Commercial Instruments. University of Chicago Law School.

# HIKMAH DI SEBALIK TAKDIR: MENGHADAPI KETENTUAN ALLAH DENGAN POSITIF

Disediakan oleh: Nuryatiqah binti Sulaiman

**U**jian adalah sebahagian daripada takdir yang harus dihadapi dengan kesabaran, keimanan dan tawakal kepada Allah SWT. Di dalam al-Quran dan hadis, banyak dijelaskan bahawa ujian memiliki tujuan untuk menguji ketahanan iman, membersihkan dosa dan memberikan peluang bagi orang-orang yang sabar untuk mendapatkan ganjaran pahala yang besar.

Menghadapi ujian dari Allah dengan sikap positif adalah kunci untuk menjalani kehidupan dengan lebih tenang, sabar dan penuh harapan. Sikap positif bukan bererti mengabaikan kesulitan yang dihadapi, akan tetapi lebih kepada bagaimana kita menyantuni ujian tersebut dengan keyakinan dan pandangan yang benar.

## 1. BERIMAN DAN BERTAWAKAL KEPADA ALLAH

Iman dan tawakal adalah perkara utama dalam menghadapi ujian. Meyakini bahawa segala sesuatu yang terjadi adalah takdir Allah serta perancanganNya yang terbaik untuk kita. Ketinggian iman dan tawakal akan memberikan rasa ketenangan. Dalam Surah Al-Imran ayat 159, Allah berfirman:

Maksudnya : "Maka apabila kamu telah mengambil keputusan (untuk berperang), maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang bertawakal."

Tawakal bererti menyerahkan segala urusan kepada Allah SWT setelah berusaha semaksima mungkin. Dengan tawakal, kita yakin bahawa segala ujian pasti ada jalan keluarinya dan merupakan sebahagian dari hikmah yang lebih besar.

## 2. MENJAGA KESABARAN

Kesabaran juga adalah kunci penting dalam menghadapi ujian. Allah berfirman di dalam Surah Al-Baqarah ayat 153 :

Maksudnya : "Wahai orang-orang yang beriman, mintalah pertolongan dengan sabar dan solat. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar."

Pentingnya untuk tetap sabar ketika kita menghadapi ujian, tidak terburu-buru mencari jalan keluar yang salah serta cuba untuk menghindari keluhan. Setiap ujian memiliki waktu dan cara penyelesaiannya. Sabar adalah kunci untuk seseorang menemui jalan keluar bagi kesusahan yang dihadapi.

## 3. MENCARI HIKMAH DALAM SETIAP UJIAN

Setiap ujian pasti mengandungi hikmah dan semestinya tidak terjadi dengan sia-sia. Ujian menjadikan kita untuk tidak bergantung sepenuhnya pada dunia, melainkan bergantung sepenuhnya kepada Allah SWT dalam segala perkara. Ini juga dapat menjadikan seseorang untuk sentiasa berfikiran positif serta mencari pelajaran dalam setiap ujian yang dihadapi. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis Riwayat Muslim :

"Amat menakjubkan urusan orang yang beriman kerana setiap urusannya adalah baik dan itu tidak akan berlaku kepada seorang pun kecuali kepada orang beriman. Jika ia mendapat sesuatu yang menyenangkan dia bersyukur, maka itu adalah kebaikan baginya. Dan jika ia ditimpa kesusahan dia bersabar, maka itu adalah kebaikan baginya," (HR Muslim)

## 4. SELALU BERDOA DAN MEMOHON PERTOLONGAN ALLAH

Doa sebenarnya adalah salah satu bentuk pengakuan bahawa kita tidak putus asa terhadap takdir Allah serta ianya sebagai bukti keimanan dan ketundukan kita kepadaNya. Dengan berdoa, kita mengakui keterbasan diri dan kebutuhan kita kepada Allah SWT. Selain itu, doa adalah bentuk pengharapan yang menjaga hubungan seorang hamba dan Sang Pencipta serta tanda bahawa kita sedar segala yang terjadi dalam hidup kita adalah sebahagian dari takdirNya yang terbaik. Allah berfirman di dalam Surah Ghafir ayat 60 :

Maksudnya : "Dan Tuhanmu berfirman : Berdoalah kepadaku nescaya akan Ku perkenankan bagimu."



*Apabila telah mati seorang manusia,  
maka terputuslah baginya pahala amalannya  
kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah,  
ilmu yang bermanfaat dan anak soleh  
yang mendoakannya. Riwayat Muslim (1631)*

**Jom Jana  
Saham Akhirat  
melalui**

**PEMBINAAN  
PUSAT AGAMA NURUL SAADAH**

**PEMBINAAN  
GAZEBO RAUDHATUL SAKINAH**

**TUNAI**

Serahan tunai kepada **Bahagian Kewangan di Pejabat LAKMNS, Tingkat 8, Baitul Makmur 1, Medan Raya, Petra Jaya, Kuching**, dengan menyatakan tujuan wakaf **PUSAT AGAMA NURUL SAADAH**. Orang yang boleh dihubungi:

- Azielaa Nadira binti Mohamad No. tel: 082-440775
- Mohd Hafidz bin Mohidin Zailani No. tel: 082-440775

Serahan tunai kepada **Bahagian Kewangan di Pejabat LAKMNS, Tingkat 8, Baitul Makmur 1, Medan Raya, Petra Jaya, Kuching**, dengan menyatakan tujuan wakaf **GAZEBO**. Orang yang boleh dihubungi:

- Mohd Hafidz Bin Mohidin Zailani No. tel: 082-440775

#### **PEMBAYARAN ATAS TALIAN (ONLINE TRANSFER)**

Bayar kepada akaun Bank Islam Malaysia Berhad 11013010006339 atas nama **LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK** Hantar slip pembayaran bersama maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel) dengan menyatakan tujuan wakaf **PUSAT AGAMA NURUL SAADAH**. ke alamat emel [wakaf@lakmns.org.my](mailto:wakaf@lakmns.org.my)

Bayar kepada akaun Bank Islam Malaysia Berhad 11013010006339 atas nama **LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK** Hantar slip pembayaran bersama maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel) dengan menyatakan tujuan wakaf **GAZEBO** ke alamat emel [wakaf@lakmns.org.my](mailto:wakaf@lakmns.org.my)

#### **QR PAY (SPAY GLOBAL)**



Atas nama **LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK**  
Hantar slip pembayaran bersama maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel) dengan menyatakan tujuan wakaf **PUSAT AGAMA NURUL SAADAH** ke alamat emel [wakaf@lakmns.org.my](mailto:wakaf@lakmns.org.my)



Atas nama **LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK**  
Hantar slip pembayaran bersama maklumat (Nama, No. Kad Pengenalan/Syarikat, No. telefon, alamat, dan emel) dengan menyatakan tujuan wakaf **GAZEBO** ke alamat emel [wakaf@lakmns.org.my](mailto:wakaf@lakmns.org.my)

